



UNIT PERHUBUNGAN, PENDAFTARAN & PELAJARAN SWASTA
SEKTOR PENGURUSAN SEKOLAH
JABATAN PELAJARAN PAHANG
BANDAR INDERA MAHKOTA
25604 KUANTAN

Tel : 09-5715700

Fax : 09-5734857

Ruj. Kami : JPNP. 04/01/0016/Jld.22(01)
Tarikh : 14 April 2006
15 Rabiul Awal 1427 H

Eksekutif Pemasaran
Read Network
80-1A, Jalan 3,
Batu Caves Centrepoint
68100 BATU CAVES, SELANGOR

Tuan,

KEBENARAN MEMASUKI KAWASAN SEKOLAH BAGI TUJUAN PROMOSI

Dengan segala hormatnya saya adalah diarah merujuk surat tuan berhubung perkara di atas.

2. Jabatan ini ingin memaklumkan kepada tuan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Surat Pekeliling Bil 12/1988 bertarikh 29 Jun 1988 yang **melarang mana-mana pihak menjalankan aktiviti jualan terus, promosi, demonstrasi atau pameran kepada guru-guru dan pelajar sekolah.**

3. Walau bagaimanapun Jabatan ini sedia maklum dan memberi kerja sama ini berdasarkan kelonggaran syarat pada para (4) pekeling tersebut seperti berikut : **Pameran, demonstrasi, promosi dan jualan dilakukan pada satu-satu hari tertentu yang ditetapkan, misalnya ketika sekolah mengadakan perayaan Hari Ibu Bapa, Hari Guru, Hari Sukan Sekolah, Mesyuarat Tahunan Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan seumpamanya; dan demonstrasi dan promosi hanya untuk mendapatkan perhatian dan pertimbangan pihak pentadbir sekolah, pengurusan koperasi sekolah atau Jawatan Kuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru tanpa melibatkan pelajar-pelajar dan lain-lain guru.**

4. Kelulusan ini juga tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- i. Mendapat persetujuan dan kebenaran Pengetua / Guru Besar sekolah-sekolah berkenaan terlebih dahulu.

2/...

- ii. Tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran pelajar dan guru dalam bilik darjah.
- iii. Tiada sebarang paksaan kepada mana-mana pihak di sekolah
- iv. Mengikut segala prosedur dan peraturan sekolah yang telah ditetapkan.
- v. Kebenaran ini berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2006

5. Pihak kami berhak membatalkan kelulusan yang diberi jika pihak tuan didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan.

Sekian, Terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



HAJI MUHAMAD BIN MUSA
Unit Perhubungan dan Pendaftaran
bp Pengarah Pelajaran Pahang

sk Pengarah Pelajaran Pahang
Timbalan Pengarah Pelajaran Pahang
Semua Pegawai Pelajaran Daerah
Fail Timbul